

14/01/2003

China minat tingkat dagangan

PUTRAJAYA: China berminat meningkatkan pelaburan dan perdagangan dengan negara Asean, terutama Malaysia dalam mewujudkan hubungan menguntungkan semua pihak.

Republik itu memperuntukkan RM9.5 juta (AS\$2.5 juta) tahun ini berbanding RM8.74 juta (AS\$2.3 juta) tahun lalu untuk membeli minyak kelapa sawit dari negara ini.

Perkara itu dinyatakan Naib Perdana Menteri China, Li Lanqing dalam kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Timbalan Menteri Luar yang juga menteri pengiring Li, Datuk Dr Leo Michael Toyad, berkata China adalah pembeli terbesar minyak kelapa sawit Malaysia.

"China sedang melihat sektor lain untuk diceburi di negara ini manakala Malaysia berminat memasuki industri automobilnya," katanya ketika ditanya hasil perbincangan antara Dr Mahathir dan LI.

Li yang tiba Sabtu lalu dalam rangka lawatan rasmi empat hari di sini berkata, China bersetuju bekerjasama dengan Malaysia bagi membantu negara membangun rantau ini menghadapi globalisasi.

Dr Leo berkata, Malaysia juga bercadang mendapatkan kerjasama negara maju di rantau ini membuat pelaburan di negara anggota Asean yang masih ketinggalan.

Pada pertemuan lebih satu jam itu, Dr Leo berkata, China turut menyentuh kerjasama dua hala dan serantau terutama dengan Asean+3.